

26 FEB 1997

MAHATHIR DAN ANGGOTA KABINET SERTAI UPACARA MINUM TEH JEPUN

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta menteri-menteri hari ini berhimpun di Bukit Tinggi Resort, Janda Baik, dekat sini untuk menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu, Dr Mahathir menerangkan bahawa ia adalah mesyuarat biasa Kabinet yang seperti biasa juga membincangkan beberapa perkara.

"Sebenarnya dalam perbincangan kita minggu sudah kita sentuh tentang upacara minum teh cara Jepun sebagai satu acara yang boleh mengajar kita tentang disiplin," kata Dr Mahathir.

"Kita berpendapat eloklah kalau kita ada satu upacara minum teh bagi membolehkan kita melihat bagaimana orang Jepun boleh mendisiplinkan diri mereka," katanya.

Beliau berkata mereka bersetuju bahawa satu daripada tempat yang sesuai ialah Tea House di Bukit Tinggi.

"Kalau nak tengok upacara minum teh sahaja tak patutlah, jadi lebih baik diadakan mesyuarat Kabinet di Bukit Tinggi," katanya.

Selepas makan tengah hari sebaik sahaja selesai mesyuarat itu, Dr Mahathir, Anwar dan para menteri Kabinet serta Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob turut menyertai upacara minum teh Jepun di Tea House di pusat peranginan itu. -- BERNAMA

ZAB ARA NMO